

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Leksikografi atau perkamusan merupakan satu bidang yang melibatkan proses penyusunan kamus. Merujuk **Ensiklopedia Britanica** (Vol.6), *lexicography* ialah prinsip, prosedur dan latihan membuat kamus, meliputi penerbitan senarai kata dalam sesuatu bahasa, mengandungi penghuraian makna perkataan dan selalunya disertai maklumat tentang sebutan sesuatu perkataan. Perkataan-perkataan yang disenaraikan di dalam kamus disebut entri atau kata masukan.

Hartmann (1986: 04) mendefinisi leksikografi sebagai perkara yang berkenaan dengan kerja-kerja menghuraikan semua atau beberapa makna sesuatu perkataan dalam satu bahasa atau lebih, bersetujuan dengan sifat dan ciri-ciri perkataan tersebut. Leksikografi juga meliputi dua aspek yang penting, iaitu aspek praktikal (proses mengumpulkan kata-kata, memasukkan leksikon atau sebagainya) dan aspek teori, iaitu ilmu leksikologi yang diperlukan dalam menghasilkan kamus.

Harimurti Kridalaksana (1983)

meletakkan leksikografi sebagai satu bidang linguistik terapan yang mencakupi metode dan teknik penyusunan kamus. Beliau juga mengatakan bahawa leksikografi ialah bidang ilmu yang berkaitan dengan kajian leksikologi, iaitu kajian keseluruhan secara saintifik terhadap kamus. Kajian leksikologi pula memerlukan beberapa subbidang ilmu yang lain seperti morfologi, sintaksis, semantik dan sebagainya.

Umumnya, leksikografi ialah bidang yang berkaitan secara langsung dengan kamus. Kamus pula dapat didefinisikan sebagai buku yang mengandungi sejumlah kata, disusun mengikut urutan abjad dan diuraikan makna bagi setiap perkataan yang dimuatkan ke dalamnya.

Asmah Hj. Omar (1986: 05) mengkategorikan kamus kepada tiga bahagian utama, iaitu :

1. Kamus ekabahasa (monolingual)
2. Kamus dwibahasa (bilingual)
3. Kamus aneka bahasa (multilingual)

Kamus ekabahasa ialah kamus yang terhasil dalam satu bahasa sahaja. Entri atau kata masukan akan diberi huraihan dengan menggunakan bahasa yang sama. Kamus jenis ini dihasilkan bertujuan supaya setiap perkataan yang sukar dalam sesuatu bahasa itu dapat difahami oleh masyarakat penutur bahasa tersebut. Selain itu, kamus ekabahasa juga dapat memudahkan masyarakat bahasa itu menggunakan bahasa mereka dengan betul. Contoh kamus ekabahasa ialah **Kamus Dewan**, **Kamus Ungkapan Bahasa Indonesia**, dan **Oxford Dictionary**.

Kamus Dwibahasa ialah kamus yang menggunakan dua bahasa. Contohnya, **Kamus Dwibahasa Inggeris-Melayu** dan **Arab-Melayu** yang mengambil entri dalam bahasa kedua dan memberikan penerangan menggunakan bahasa utama. Misalnya, bagi **Kamus Dwibahasa Inggeris-Melayu**, entri yang dimuatkan ialah yang diambil daripada bahasa Inggeris dan penerangan terhadap entri tersebut dibuat dalam bahasa Melayu. Kamus Dwibahasa ini penting bagi seseorang penutur yang ingin mempelajari atau memahirkan diri dalam penggunaan bahasa yang bukan bahasa asli penutur.

Kamus aneka bahasa pula merupakan kamus yang terhasil daripada padanan kata-kata lebih daripada dua bahasa. Kamus aneka bahasa ini mempunyai huraian entri dalam beberapa bahasa. Misalnya, **Kamus Melayu-Arab-Inggeris**; entri yang dimuatkan ke dalam kamus ini terdiri daripada kata-kata dalam bahasa Melayu, manakala padanannya dibuat dalam bahasa Arab dan Inggeris. Kamus ini biasanya memberi huraian dalam bentuk padanan kata yang sama erti.

Selain itu, ensiklopedia juga termasuk dalam bidang leksikografi. Namun begitu, ensiklopedia agak berbeza daripada kamus kerana huraian dan penjelasan terhadap entri yang dimuatkan dalam ensiklopedia dibuat secara terperinci dan lebih lengkap. Ensiklopedia lebih merupakan koleksi artikel yang mengandungi setiap cabang ilmu pengetahuan.

Memandangkan kajian ini lebih tertumpu kepada kamus ekabahasa bahasa Melayu, iaitu Kamus Dewan, maka perbincangan seterusnya akan melihat bagaimana proses penyusunan Kamus Dewan dijalankan. Kamus Dewan dihasilkan melalui beberapa proses yang berdasarkan data korpus.

Proses-proses yang terlibat dalam penghasilan  
Kamus Dewan ialah:

1. **Pemilihan data korpus**

Data korpus dihasilkan dengan melibatkan proses penandaan dan perakaman data dalam kad; proses ini berdasarkan pendekatan manual. Cara yang terbaharu adalah dengan menggunakan komputer; setiap data yang dijadikan korpus dimasukkan ke dalam data komputer. Keseluruhan data yang dipilih hendaklah memaparkan perkembangan kosa kata dalam pelbagai bidang ilmu untuk menampakkan peningkatan bidang ilmu dalam bahasa Melayu. Data-data tersebut diperoleh daripada bahan bertulis seperti buku, majalah, surat khabar, novel dan sebagainya, dan juga daripada bahan bukan bertulis seperti wawancara, dialog, media elektronik dan lain-lain.

2. **Pengisihan dan pengabjadian data**

Setiap data yang terkumpul akan dipilih dan diisihkan. Proses ini melibatkan juga proses pemilihan dan penilaian data, sama ada dapat diterima sebagai entri atau sebaliknya. Selepas data diisih dan

dinilai, maka data yang terpilih akan disusun mengikut aturan abjad untuk proses penilaian yang seterusnya bagi memastikan data sesuai untuk dijadikan entri kamus.

### **3. Pemilihan data**

Pemilihan data perlu dibuat bagi memastikan sesuatu data itu dapat diterima sebagai entri atau tidak. Terdapat beberapa proses dalam pemilihan data, iaitu:

- a). Mengisihkan data yang sudah terdapat dalam korpus (tanpa mengalami sebarang perubahan makna).
- b). Seterusnya, data-data yang telah mengalami perubahan makna turut diisihkan. Perubahan tersebut termasuklah peluasan ataupun penyempitan makna.
- c). Data-data yang baharu masuk ke dalam kosa kata bahasa Melayu juga turut diisihkan.

### **4. Pemerian Makna/ Pentakrifan**

Pemerian makna atau pentakrifan merupakan satu proses yang agak berat dalam penghasilan sesebuah kamus. Peringkat ini dianggap sebagai penentu tahap keberhasilan mutu kamus yang bakal diterbitkan.

Pentakrifan mengambil kira beberapa perkara, iaitu:

- a). Makna mesti sejajar dengan entri. Maksudnya, setiap entri yang dimasukkan ke dalam kamus mestilah mempunyai makna yang sesuai sejajar dengan penggunaan entri dalam frasa, klausa dan ayat.
- b). Ayat contoh mesti dapat memperlihat makna entri dengan jelas.
- c). Gambaran makna dapat membezakan entri daripada ciri-ciri semantik leksikal yang lain. Dalam hal ini beberapa pendekatan digunakan, iaitu:
  - i. Pendekatan leksikografi; entri diuraikan dengan menggunakan ciri-ciri semantik terpenting berurutan bagi membezakannya daripada kata yang lain.
  - ii. Pendekatan sinonim; entri diberi padanan dengan kata yang seerti.
  - iii. Pendekatan logik; batasan kata yang mengenal pasti objek yang diuraikan sehingga berbeza daripada objek-objek lain dan digolongkan kepada anggota golongan terdekat.

iv. Pendekatan ensiklopedia; entri dihuraikan secara lengkap dan cermat tentang segala sesuatu yang berhubung dengan entri.

## 5. Penilaian dan pengeditan

Peringkat ini merupakan peringkat terakhir sebelum kamus diterbitkan. Setiap entri yang telah ditakrif akan dinilai dan diedit semula sebelum kamus dihasilkan. Peringkat ini penting bagi memastikan setiap entri disusun dengan sempurna dan tidak terdapat kesalahan-kesalahan yang akan menimbulkan kekeliruan di kalangan pengguna-pengguna kamus.

### 1.2 Latar belakang Kajian

Leksikografi bahasa Melayu, seperti yang dikatakan oleh Yusuf Hitam (1961), "...merupakan kesan-kesan yang ditinggalkan oleh penjajahan dalam persuratan Melayu dan sehingga kini (1961) orang-orang Melayu hampir sama sekali tidak mempedulikan ilmu perkamusan Melayu...". Berdasarkan kenyataan di atas dan melihat kepada perkembangan bidang perkamusan yang ada pada hari ini, jelas bahawa bidang leksikografi masih

kekurangan pakar di kalangan bangsa Melayu sendiri.

Walau bagaimanapun, sehingga kini jumlah penghasilan kamus dalam bahasa Melayu semakin meningkat. Namun begitu kajian terhadap bidang leksikografi bahasa Melayu di kalangan sarjana-sarjana tempatan kurang mendapat perhatian. Antara pengkaji yang telah membuat kajian terhadap bidang leksikografi Melayu ialah Asmah Hj. Omar (1986) dan Fatimah Ahmad (1991).

Asmah Hj. Omar (1986) telah membuat penilaian ringkas terhadap perkembangan leksikografi Melayu dan membincangkan beberapa masalah yang dihadapi dalam sistem leksikografi bahasa Melayu. Huraian ringkas tersebut ditulis dalam sebuah buku kecil bertajuk **Perkamusan Melayu: Satu Penilaian**. Perbincangan yang dibuat ialah mengenai sejarah leksikografi bahasa Melayu secara ringkas, dan huraian mengenai aspek pemaknaan serta sedikit kaitan kamus dengan sistem pendidikan.

Fatimah Ahmad pula meneliti secara ringkas ciri-ciri yang terdapat dalam sistem leksikografi bahasa Melayu. Beliau mengambil

Kamus Dewan sebagai bahan kajian dan membuat sedikit analisis kuantitatif mengenai senarai entri yang terdapat di dalam Kamus Dewan. Perbincangan yang dibuat agak umum dan sesuai dengan keperluan tulisan beliau sebagai satu latihan ilmiah.

Selain itu, terdapat beberapa sarjana tempatan yang turut membuat kajian terhadap bidang leksikografi, iaitu Omar Wan Teh (1985), yang telah membuat kajian terhadap perkembangan leksikografi bahasa Arab.

Terdapat juga beberapa artikel ringkas yang membicarakan bidang leksikografi bahasa Melayu yang dimuatkan dalam majalah-majalah tempatan seperti **Majalah Dewan Bahasa, Dewan Masyarakat** dan **Pelita Bahasa**.

Antara artikel-artikel yang ditemui ialah yang ditulis oleh Yusuf Hitam (1961) yang membincangkan perkembangan leksikografi Melayu dari peringkat awal hingga ke tahun 1960-an. Awang Had Salleh (1961) telah menterjemahkan artikel yang ditulis oleh Alessandro Bausini mengenai senarai kata yang telah dihasilkan oleh Antonio Pigafetta.

Abdullah Hussain (1970) telah menulis tentang perkembangan dan proses penghasilan **Kamus Dewan**, beliau membincangkan tentang sejarah dan proses-proses yang terlibat dalam penghasilan **Kamus Dewan**. Abdul Chaer Mad'ie (1974) pula telah menulis tentang kamus dan kaitannya dengan pengajaran bahasa.

Beberapa artikel lain yang terkini ialah yang ditulis oleh saudara Ibrahim Ahmad (1991). Beliau telah menulis secara ringkas mengenai beberapa konsep utama dalam menghasilkan kamus. Noresah Baharom (1992 - 1994) juga turut menulis mengenai perkembangan dan penggunaan komputer dalam penghasilan kamus.

Kajian leksikografi lebih menonjol di kalangan sarjana Barat. Starness (1946) telah melihat perkembangan leksikografi di Barat bermula dari zaman Cawdry hingga ke zaman Johnson. Beliau turut membicarakan ciri-ciri leksikografi dan proses penyusunan kamus di sekitar zaman-zaman tersebut.

Zgusta Ladilav (1971) telah meneliti proses penghasilan kamus di Barat. Beliau kemudiannya telah menghasilkan satu manual yang

membincangkan beberapa aspek penting dalam bidang leksikografi. Manual tersebut mengandungi beberapa prinsip penting dalam proses penyusunan kamus. Beliau juga memuatkan panduan dalam memberi definisi serta menguraikan bagaimana sesuatu kamus dapat dihasilkan dengan lengkap. Manual ini telah menjadi panduan kepada semua yang menceburi bidang leksikografi.

Sidney I. Landau (1984), dalam karya beliau **Dictionaries : The Art and Craft in Lexicography**, telah membicarakan kreativiti dalam penghasilan kamus. Karya beliau ini turut memperkatakan sejarah leksikografi Barat secara ringkas dan jenis-jenis kamus mengikut pengguna dan penggunaan. Selain itu, beliau turut membincangkan beberapa prinsip penting dalam proses penghasilan kamus dan sedikit tentang penggunaan komputer dalam bidang leksikografi.

Hartmann (1983) telah menulis secara ringkas mengenai perkara-perkara asas dalam penghasilan kamus dalam buku yang bertajuk **Lexicography : Principles and Practice**. Beliau telah meletakkan lexeme sebagai unit asas dalam proses penghasilan kamus. Beberapa artikel yang ditulis oleh penulis-penulis lain mengenai

perkembangan leksikografi, latihan bagi menghasilkan ahli leksikografi dan sebagainya turut dimuatkan dalam buku tersebut.

Ilson (1983) telah menghasilkan sebuah buku yang mengandungi beberapa kertas kerja yang membincangkan leksikografi sebagai satu bidang ilmu yang bertaraf antarabangsa. Antara perbincangan yang terkandung dalam buku tersebut adalah mengenai perkembangan leksikografi, beberapa permasalahan dalam leksikografi dan proses penghasilan data yang berdasarkan penggunaan komputer.

J. Geotschalckx dan R. Rolling (1982) telah menerbitkan sebuah buku yang mengandungi beberapa kertas kerja yang membincangkan perkembangan leksikografi seluruh dunia. Kebanyakan kertas kerja yang dikumpulkan membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kebangkitan bidang leksikografi selaras dengan kemodenan dunia.

Secara keseluruhannya perkembangan dan kajian-kajian ilmiah dalam bidang leksikografi semakin meningkat maju, terutama di negara-negara Barat. Walaupun negara ini masih lagi kekurangan

bahan kajian berbentuk ilmiah dalam bidang leksikografi, namun dapat dikatakan bahawa bidang leksikografi Melayu telah menampakkan kemajuan, terutama dengan terbitnya berbagai-bagai jenis kamus yang mengikut keperluan semasa.

### **1.3 Tujuan kajian**

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menambahkan jumlah kajian terhadap bidang leksikografi bahasa Melayu. Setakat ini bidang leksikografi bahasa Melayu sebagai salah satu bidang ilmu masih lagi pada tahap permulaan. Leksikografi bahasa Melayu memerlukan banyak lagi kajian untuk meningkatkan bidang ini ke taraf yang lebih ilmiah.

Seterusnya, kajian ini juga akan melihat sejarah perkembangan leksikografi secara ringkas, terutama leksikografi bahasa Melayu. Leksikografi bahasa Melayu dikatakan telah bermula sejak zaman kegemilangan kerajaan Melayu dan kedatangan orang-orang Barat. Kini leksikografi Melayu semakin berkembang dengan penghasilan kamus-kamus yang baik.

Selain itu, salah satu tumpuan kajian ini ialah melihat proses pembentukan kata yang berlaku dalam proses penghasilan kamus, berdasarkan Kamus Dewan. Dalam hal ini, proses pembentukan kata dalam bahasa Melayu akan diterangkan secara ringkas sebagai perbandingan kepada proses pembentukan kata yang terdapat dalam Kamus Dewan.

Oleh sebab situasi dan konteks proses pembentukan kata dalam konteks penyusunan kamus berbeza dengan situasi dan konteks pembentukan kata yang berlaku dalam tatabahasa, maka pendekatan khusus perlu diterapkan sebagai asas kepada pembentukan kata yang terdapat dalam bidang leksikografi. Pendekatan tersebut ialah penggunaan konsep *leksem*, yang dianggap sebagai satu unsur utama dalam penerbitan leksikon, iaitu satu unsur yang mendasari setiap item leksikal yang terdapat di dalam kamus.

*Leksem* merupakan satu istilah yang sudah lama diperkenalkan dalam bidang leksikografi, iaitu sebagai satu unsur yang menggambarkan unit abstrak sesuatu item yang dijadikan entri di dalam kamus (Lyons; 1961). Beberapa orang ahli leksikografi cuba menerapkan konsep ini sebagai salah satu unsur utama dalam

bidang leksikografi. Namun kepelbagaiannya pendapat telah mengelirukan konteks penggunaan leksem ini.

Oleh sebab leksem lebih merujuk kepada makna sesuatu perkataan, maka kajian ini akan membincangkan secara terperinci proses pembentukan leksem yang boleh dijadikan satu unit asas dalam proses penghasilan kamus. Kajian ini juga turut melihat proses pentakrifan makna yang dilakukan dalam Kamus Dewan. Pentakrifan penting dalam proses penghasilan kamus kerana sememangnya tugas kamus memberikan makna. Analisis terhadap proses pentakrifan ini juga bertujuan menggambarkan dengan agak jelas hubungan leksem dengan makna yang terdapat dalam bidang leksikografi.

Proses pembentukan leksem bukan sahaja mempengaruhi bentuk dan kelas leksem tersebut malahan akan mengubah makna yang didukungnya. Oleh sebab itu, proses pembentukan leksem berkait rapat dengan proses pemaknaan atau pentakrifan yang dibuat.

Keseluruhannya, penyelidikan ini memperlihat beberapa permasalahan yang dihadapi dalam bidang leksikografi bahasa Melayu.

Walaupun bidang ini telah bermula sejak zaman kegemilangan kerajaan Melayu, namun beberapa aspek penting yang tercakup dalam bidang leksikografi masih lagi menjadi persoalan. Ini kerana kurangnya tumpuan oleh sarjana-sarjana tempatan terhadap penyelidikan dan penelitian dalam bidang leksikografi Melayu.

#### **1.4 Metodologi**

Kajian ini bersifat kajian pustaka, iaitu membaca dan meneliti bahan-bahan yang berkaitan dengan teori dan pengaplikasiannya dalam bidang yang dikaji. Kaedah ini dipilih kerana bidang perkamusan memerlukan penelitian kepada bahan-bahan bertulis, iaitu kamus-kamus yang dihasilkan dan buku-buku panduan yang menjadi asas kerja-kerja perkamusian. Tambahan pula, kerja lapangan yang relevan hanya mengikuti kerja-kerja penghasilan kamus di Dewan Bahasa dan Pustaka.

Aspek-aspek teori dilihat berdasarkan tulisan beberapa pakar dalam bidang leksikografi seperti Sydney I. Landau, Zgusta Ladislav, dan R. R. K. Hartmann. Penerapan ke atas bahasa Melayu pula dilakukan terhadap sebuah kamus

ekabahasa bahasa Melayu, iaitu Kamus Dewan. Aspek teoretikal diteliti berdasarkan beberapa pendekatan dari Barat, seperti pendekatan Zgusta, Landau dan Hartmann. Ini kerana pendekatan yang digunakan di Barat mempunyai sejarah dan tradisi yang lebih mantap. Tumpuan ditujukan kepada aspek bagaimana proses pembentukan kata dalam tatabahasa berbeza dengan proses pembentukan *leksem* yang berlaku dalam leksikografi, terutama leksikografi Melayu.

Pendapat-pendapat ahli leksikografi mengenai konsep *leksem* ini turut dibincangkan. Ini bertujuan memperjelas konsep dan fungsinya dalam proses penghasilan kamus. Walaupun masih terdapat pandangan yang berbeza-beza, namun agak jelas bahawa konsep *leksem* ini sesuai digunakan sebagai asas kepada proses pembentukan kata yang terdapat dalam bidang leksikografi.

Penelitian dalam proses pembentukan kata bahasa Melayu menggunakan pendekatan yang terdapat dalam buku *Tatabahasa Dewan* oleh Nik Safiah Karim et al., (1993). Pendekatan *Tatabahasa Dewan* digunakan kerana buku tersebut

telah diiktiraf sebagai buku pegangan kepada sistem tatabahasa bahasa Melayu yang ada hari ini.

Bagi proses pembentukan leksem yang berlaku dalam leksikografi pula, kajian ini menggunakan pendekatan yang digunakan oleh Harimurti Kridalaksana dalam karya beliau **Paduan Leksem dalam Bahasa Indonesia**. Harimurti menerapkan konsep leksem sebagai satu bentuk yang mendasari setiap proses pembentukan kata yang terdapat dalam bahasa Indonesia. Bagi menyelaraskan penggunaan leksem ini dalam bahasa Melayu, agak sesuai jika diterapkan konsep leksem ini ke dalam bidang leksikografi.

Oleh sebab bidang leksikografi berkait rapat dengan semantik, maka penelitian terhadap aspek-aspek makna yang terkandung dalam Kamus Dewan turut diperberat. Beberapa aspek pemaknaan yang terdapat dalam Kamus Dewan turut diteliti bagi memperlihatkan hubungan di antara bentuk leksem dengan makna yang didukungnya.

Kajian ini turut meneliti dan menganalisis proses penghasilan kamus bahasa Melayu. Proses penghasilan kamus yang diikuti termasuklah pada

peringkat awal, iaitu proses mendapatkan bahan, mengumpulkan bahan, memilih kata masukan, mengedit kata masukan dan akhir sekali bahagian menentukan kesesuaian kata sebagai kata masukan. Penelitian terhadap proses penghasilan kamus bahasa Melayu ini dilakukan bagi mendapatkan gambaran bagaimana sesebuah kamus itu dihasilkan.

Oleh sebab kajian ini lebih tertumpu kepada proses pembentukan kata, maka penelitian yang agak terperinci terhadap pembentukan kata dalam Kamus Dewan dilakukan. Beberapa contoh diambil daripada Kamus Dewan bagi menjelaskan beberapa konsep utama dalam proses pembentukan kata yang berlaku dalam penghasilan kamus ekabahasa bahasa Melayu. Contoh-contoh ini diambil bagi menggambarkan proses pembentukan kata dan pemerian makna yang dilakukan dalam Kamus Dewan.